



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***ASAS PENGURUSAN DALAM CERITA RAKYAT KANAK-KANAK  
PILIHAN***

**NORAINI BINTI ZAINAL ABIDIN**

**FBMK 2020 65**



**ASAS PENGURUSAN DALAM CERITA RAKYAT KANAK-KANAK PILIHAN**

Oleh

**NORAINI BINTI ZAINAL ABIDIN**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Master Sastera**

**Oktober 2019**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

Syukur kepada Allah SWT  
Dengan izin-Nya  
Penulisan ilmiah ini dapat disempurnakan.  
Pengabdianku pada-Mu Tuhan buat selamanya.  
Sembah salam ke atas Junjungan Besar  
Nabi Muhammad SAW

Untuk Ayah dan Mak tercinta  
**(Zainal Abidin Sanusi & Latiffah Mohamat)**  
Penghasilan tesis ini  
Bukti cinta dan sayang anakanda kepada kalian.  
Hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas segala pengorbanan kalian berdua  
kerana  
membesar & mendidikku  
dengan ikhlas tanpa penat dan jemu  
demi sebuah impian anakmu ini.

Penyeliaku...  
**(Prof. Madya Dr. Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi)**  
Budimu tersemat kukuh di lubuk sanubari

Seluruh pensyarah dan sahabat sejati  
Budi & jasa kalian tak akan ku lupakan.  
Kejayaanku juga adalah kejayaan untuk kalian semua.

**Noraini Zainal Abidin  
UPM (2019)**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

## **ASAS PENGURUSAN DALAM CERITA RAKYAT KANAK-KANAK PILIHAN**

Oleh

**NORAINI BINITI ZAINAL ABIDIN**

**Oktober 2019**

**Pengerusi : Profesor Madya Nik Rafidah Binti Nik Muhamad Affendi,  
PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Pengurusan merupakan asas yang paling utama dalam mencapai sesuatu matlamat. Hal ini dibuktikan dengan keberkesanan dalam mencapai sesuatu matlamat memerlukan aspek pengurusan seperti perancangan, kawalan dan sebagainya. Umumnya, golongan dewasa sudah sinonim dengan aspek pengurusan dalam melangsungkan kehidupan berbanding golongan kanak-kanak. Melalui bahan bacaan seperti cerita rakyat kanak-kanak mendedahkan input iaitu proses pembelajaran melalui peristiwa-peristiwa tertentu tentang bagaimana menguruskan sesuatu perkara atau situasi. Namun, timbul beberapa persoalan tentang input pengurusan yang terkandung di dalam cerita rakyat sudah dianggap lapuk terutamanya dalam membentuk sahsiah diri kanak-kanak. Justeru objektif kajian ini untuk mengklasifikasi dan menganalisis asas pengurusan yang terdapat dalam cerita rakyat kanak-kanak berdasarkan pendekatan pengurusan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan. Kajian ini menggunakan cerita rakyat kanak-kanak terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 2017 hingga 2018. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan kajian analisis teks. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan pengurusan yang diketengahkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan bagi menganalisis teks kajian. Antara prinsip pendekatan pengurusan adalah seperti perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan kawalan. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan pengurusan konflik daripada aspek strategi perancangan dan pengurusan emosi daripada aspek kawalan merupakan perkara yang paling dominan diterapkan dalam bahan kajian. Manakala, pengurusan masa daripada aspek strategi kawalan merupakan aspek yang paling sedikit dalam bahan kajian. Sebanyak 18 daripada 26 buah buku cerita rakyat kanak-kanak ada menyentuh asas pengurusan. Namun, 8 buah buku cerita rakyat kanak-kanak pula tidak menyelitkan sebarang aspek pengurusan. Maka, kajian ini diharapkan dapat memaparkan kepentingan asas pengurusan dalam cerita rakyat kanak-kanak sebagai persediaan bagi pembaca kanak-kanak mendapatkan input dalam melangsungkan kehidupan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Master of Arts

## **THE BASIC OF MANAGEMENT IN SELECTED CHILDREN'S FOLKLORE**

By

**NORAINI BINTI ZAINAL ABIDIN**

**October 2019**

**Chair : Professor Madya Nik Rafidah Binti Nik Muhamad Affendi, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

Management is the most important foundation for achieving a goal. This is proven by the effectiveness of achieving a goal requiring aspects of management such as planning, control and so on. In general, adults are already synonymous with management aspects of their lives rather than children. Through reading material such as children's stories reveal the input of the learning process through specific events on how to manage a particular thing or situation. However, some questions about the genre of folklore are considered outdated and inappropriate in providing input to today's children especially in shaping their personalities. The purpose of this study is to classify and analyze the foundations of management in children's folklore. This study uses the folklore of the Dewan Bahasa dan Pustaka issues from 2017 to 2018. The methodology used is a qualitative approach that is library and text analysis studies. In this study, the researcher used the management approach presented by Mohamad Mokhtar Abu Hassan to analyze the text of the study. Some of principles of management approach relevant to this study show that the basic of management in children's literature is applied directly or indirectly as exposure to children. These include emotion management, time, communication and conflict. Therefore, this study is expected to highlight the importance of management in the children's story as a way of life. The findings of this study show that conflict management within the regions of strategic planning and emotional control from the control aspect are the most essential factors applied in the study material. Meanwhile, time management from the control strategy component is the least important aspect of the study material. 18 out of 26 children's story books touch on the basics of management. However, the 8 folklore did not include any aspects of management. Thus, this study is anticipated to highlight the importance of management in children's folklore as a preparation for children's readers to advantage enter into their lives.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi selaku penyelia yang sentiasa memberikan bimbingan, sokongan serta tunjuk ajar dalam melaksanakan penyelidikan ini. Pengkaji juga ingin merakamkan penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Salmah Jan Noor Muhammad sebagai penyelia kedua yang telah membantu dan memberi nasihat dalam menjayakan penyelidikan ini. Ribuan terima kasih tidak terhingga juga kepada Profesor Madya Dr. Arba'ie Sujud dan Profesor Madya Dr. Kamariah Kamarudin yang telah banyak membantu dan memberi bimbingan. Tidak terbalas segala jasa dan pengorbanan yang diberikan ke atas pengkaji. Semoga Allah S.W.T merahmati segala kebaikan yang dilontarkan.

Penghargaan tidak terhingga kepada kedua ibu bapa pengkaji iaitu Zainal Abidin Sanusi dan Latiffah Mohamat kerana mendukung dan memahami perjalanan yang dipilih. Terima kasih juga diucapkan buat adik beradik yang memahami tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pelajar dan kakak sulung. Semoga usaha yang dibina menjadi pendorong dan pembakar semangat buat adik beradik untuk sentiasa berusaha untuk terus belajar.

Akhir sekali buat para pensyarah di Jabatan Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang telah banyak memberi sokongan sepanjang pengkaji menyempurnakan kajian ini. Sekalung ingatan buat sahabat-sahabat yang sentiasa berada di saat susah, terima kasih diucapkan. Jasa kalian tidak dapat ku lupakan.

NORAINI BINTI ZAINAL ABIDIN  
No 12 Jln WM 3A/5,  
Bandar Behrang 2020,  
35950 Behrang Stesen,  
Perak Darul Ridzuan.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Nik Rafidah Binti Nik Muhamad Affendi, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Salmah Jan Binti Noor Muhammad, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)



**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Disember 2020



## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Noraini Binti Zainal Abidin, GS51590

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Madya.

Dr. Nik Rafidah Binti Nik Muhamad Affendi

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Madya.

Dr. Salmah Jan Binti Noor Muhammad

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Skop Kajian	7
1.7 Definisi Operasional	10
1.7.1 Asas	10
1.7.2 Pengurusan	10
1.7.3 Cerita Rakyat	12
1.7.4 Cerita Rakyat Kanak-kanak	13
1.8 Kesimpulan	13
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	<b>14</b>
2.1 Pengenalan	14
2.2 Kajian Lepas	14
2.2.1 Kajian Cerita Rakyat daripada Perspektif Kanak-kanak	14
2.2.2 Kajian Sastera yang Berhubungan dengan Aspek Pengurusan	19
<b>3 METODOLOGI</b>	<b>27</b>
3.1 Pengenalan	27
3.2 Reka Bentuk Kajian	27
3.2.1 Kajian Kepustakaan	27
3.2.2 Kajian Analisis Teks	28
3.3 Latar Belakang Pendekatan Pengurusan	28
3.3.1 Pendekatan Pengurusan	29
3.4 Instrumen Kajian	32
3.5 Bahan Kajian	33
3.6 Prosedur Pengumpulan data	33
3.7 Prosedur Menganalisis Data	33
3.7.1 Langkah Analisis Data	33

	3.7.2	Mengkategori Data	34
	3.7.3	Peringkat Akhir (Analisis)	34
	3.8	Kerangka Konseptual Kajian	35
	3.9	Kesimpulan	36
<b>4</b>		<b>ASAS PENGURUSAN DALAM CERITA RAKYAT KANAK-KANAK</b>	<b>37</b>
	4.1	Pengenalan	37
	4.2	Pengklasifikasian Asas Pengurusan dalam Cerita Rakyat Kanak-Kanak Pilihan	37
	4.2.1	Penanganan Konflik daripada Aspek Strategi Perancangan	38
	4.2.2	Penanganan Masa daripada Aspek Strategi Perancangan	39
	4.2.3	Penanganan Organisasi daripada Aspek Pengorganisasian	40
	4.2.4	Penanganan Komunikasi daripada Aspek Kepimpinan	41
	4.2.5	Penanganan Emosi daripada Aspek Kawalan	42
	4.3	Analisis Asas Pengurusan dalam Cerita Rakyat Kanak-kanak Pilihan	43
	4.3.1	Penanganan Konflik daripada Aspek Strategi Perancangan	43
	4.3.2	Penanganan Masa daripada Aspek Strategi Perancangan	54
	4.3.3	Penanganan Organisasi daripada Aspek Pengorganisasian	62
	4.3.4	Penanganan Komunikasi daripada Aspek Kepimpinan	66
	4.3.5	Penanganan Emosi daripada Aspek Kawalan	73
<b>5</b>		<b>KESIMPULAN</b>	<b>85</b>
	5.1	Pengenalan	85
	5.2	Rumusan Keseluruhan	85
	5.3	Penutup	87
		<b>RUJUKAN</b>	<b>88</b>
		<b>LAMPIRAN</b>	<b>96</b>
		<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>131</b>
		<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>132</b>

## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kulit belakang buku yang ditetapkan oleh pihak penerbit untuk bacaan kanak-kanak	8
2	Langkah-langkah dalam pengumpulan data kajian	34
3	Kerangka Konseptual	35
4	Asas Pengurusan yang Terdapat dalam Cerita Rakyat Kanak-kanak Pilihan	37
5	Rumusan Jumlah Asas Pengurusan dalam Cerita Rakyat Kanak-kanak Pilihan	87

## SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
HLM	Halaman



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Sastera kanak-kanak merupakan bahan bacaan yang bersesuaian dengan pemikiran kanak-kanak. Kandungannya dapat memberi manfaat kepada kanak-kanak dan menggunakan bahasa yang mudah difahami. Hal ini demikian kerana, golongan kanak-kanak memerlukan didikan secara langsung dan tidak langsung dalam proses pembesaran mereka. Menurut Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Intan Zahariah Gaisun (2014:74), sastera kanak-kanak merupakan salah satu medium yang dapat mendidik serta menghiburkan kanak-kanak. Dalam hal ini, sastera kanak-kanak mempunyai ciri-ciri yang dapat membezakan dengan bahan bacaan yang lain. Menurut Md Sidik Ahmad Ishak (2005:10), terdapat beberapa ciri dalam sastera kanak-kanak seperti nilai pendidikan, kandungan dan pendekatan yang bersesuaian untuk kanak-kanak. Contohnya, sastera kanak-kanak mestilah mempunyai nilai-nilai pendidikan. Nilai tersebut boleh disampaikan secara tersurat atau tersirat tetapi memberi makna kepada kanak-kanak. Dalam konteks ini kanak-kanak dapat memahami mesej yang hendak disampaikan kepada mereka. Dari sudut kandungan pula mestilah bersesuaian dengan tahap pemikiran kanak-kanak. Akhir sekali, dari aspek pendekatan, sastera kanak-kanak menitikberatkan kanak-kanak sebagai khalayaknya. Maka, berdasarkan kepada ketiga-tiga elemen yang dibincangkan oleh Md Sidik Ahmad Ishak jelas menunjukkan bahawa sastera kanak-kanak mempunyai ciri-ciri tertentu yang membezakan dengan karya orang dewasa.

Seterusnya, bahan bacaan kanak-kanak juga mempertimbangkan beberapa kriteria tertentu. Menurut Sulaiman Masri (1975:15), kriteria yang perlu diberi perhatian dalam penulisan bahan bacaan kanak-kanak seperti nilai pendidikan, keperluan psikologi kanak-kanak, teknik penulisan, bahasa, ilustrasi dan bentuk fizikal buku. Pertama, dari aspek pendidikan, bahan bacaan kanak-kanak mestilah menerapkan nilai pengajaran yang bersesuaian dengan tahap pemikiran kanak-kanak. Kedua bagi aspek keperluan psikologi kanak-kanak pula, bahan bacaan tersebut mestilah memenuhi keperluan psikologi kanak-kanak dan dapat memberi manfaat kepada mereka. Ketiga jika diteliti daripada aspek bahasa pula, bahan bacaan kanak-kanak yang baik mampu memperkayakan kosa kata untuk kanak-kanak. Kosa kata yang dikemukakan itu pula mestilah mudah difahami oleh kanak-kanak. Keempat, berhubung dengan teknik penulisan dalam karya sastera kanak-kanak tidak perlu terlalu kompleks. Jalan cerita yang mudah difahami oleh kanak-kanak mendorong mereka untuk meneruskan pembacaan. Kelima, ilustrasi dalam karya sastera kanak-kanak perlu jelas, memberi informasi tambahan, menarik untuk menarik perhatian kanak-kanak. Akhir sekali daripada aspek fizikal buku. Dalam hal ini bentuk buku

dan saiz perlu diberi perhatian agar bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak.

Di samping itu, bahan fiksyen seperti buku cerita merupakan bahan bacaan kanak-kanak yang mempunyai pelbagai jenis serta tema. Menurut Molina S. Nijhar (1981:2), buku cerita diistilahkan oleh pustakawan sebagai fiksyen kanak-kanak dan dibahagikan kepada beberapa bentuk cerita seperti sastera tradisional, fiksyen sejarah, fiksyen sains, fantasi, cerita keluarga dan sekolah, cerita binatang, cerita pengembaraan dan misteri. Antara buku cerita kanak-kanak yang mendapat sambutan khalayaknya adalah cerita rakyat. Walaupun asalnya cerita rakyat disampaikan kepada masyarakat umum, namun peredaran zaman menyebabkan genre ini menarik minat kanak-kanak. Dalam hal ini, cerita rakyat telah diolah semula mengikut tahap kesesuaian untuk kanak-kanak. Carol J. Winters & Gary D. Schmidt (2001:111) menyatakan bahawa cerita rakyat asalnya untuk masyarakat umum, tetapi kini cerita rakyat telah memasuki ke dalam arena kesusasteraan kanak-kanak.

Sehubungan dengan itu, cerita rakyat mempunyai ciri-ciri tertentu yang juga sebahagian daripada ciri sastera rakyat. Menurut Ismail Yusoff (2008:10) ciri-ciri sastera rakyat dapat digariskan seperti penyebaran secara lisan, tanpa pengarang dan tarikh, mempunyai tukang cerita, milik bersama, berlaku tokoh tambah, bersifat sejagat, fungsi tertentu dalam masyarakat serta kebudayaan, logika tersendiri dan bersifat sederhana. Dalam konteks ini, cerita rakyat disampaikan kepada masyarakat umum secara lisan oleh tukang cerita. Malah, sastera rakyat merupakan milik masyarakat dan sukar bagi menentukan siapa pencipta serta waktunya. Dari sudut versi pula, penyebaran secara lisan menyebabkan cerita rakyat mengalami tokoh tambah mempunyai namun inti pati cerita masih dikekalkan. Selain itu, cerita rakyat juga mempunyai fungsi-fungsi dalam masyarakat dan kebudayaan, iaitu sebagai alat pendidikan dan hiburan. Dari aspek kelogikan pula merujuk kepada isi yang tidak logik dan tidak ilmiah seperti unsur-unsur fantasi, mistik dan animisme. Akhir sekali, kandungannya bersifat sederhana dan kadang kala terlalu spontan dan terbuka.

Seterusnya, cerita rakyat dapat dikenal pasti melalui sastera rakyat berbentuk cerita yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Pertama, unsur kepercayaan dalam cerita rakyat terdiri daripada unsur fakta dan cereka. Kedua bagi aspek latar masa pula pada zaman silam, zaman baru berlangsung dan bila-bila masa. Ketiga, latar tempat yang digunakan dalam cerita rakyat adalah berlatarkan dunia lain, dunia zaman dahulu dan bebas. Keempat, sifat pula merujuk kepada sifat kudus dan duniawi. Akhir sekali, pelaku ataupun watak dalam cerita rakyat seperti bukan manusia dan manusia. Ciri-ciri tersebut selari dengan pendapat Harun Mat Piah et al. (2000:89) sastera rakyat berbentuk cerita disebut sebagai cerita rakyat dan perbezaan dapat ditinjau dari sudut kepercayaan, latar masa, tempat, sifat dan pelaku. Justeru, cerita rakyat mempunyai ciri-ciri tersendiri yang dapat membezakannya dengan genre lain.



Manakala, cerita rakyat yang disesuaikan untuk kanak-kanak mempunyai ciri-ciri tertentu. Pertama, ciri yang perlu ada dalam cerita rakyat kanak-kanak mestilah berunsurkan tradisional, iaitu merujuk kepada cerita zaman dahulu yang berbentuk mitos, binatang, dongeng, lagenda dan kisah pahlawan yang romantik. Cerita-cerita tersebut merupakan jenis-jenis cerita rakyat berbentuk cerita. Kedua, isi cerita yang hendak disampaikan mestilah mempunyai sebab akibat yang jelas bersesuaian dengan tahap umur kanak-kanak. Ini bermakna cerita tersebut bebas daripada kekaburan, iaitu perkara yang mempunyai unsur protes melampau, sindiran tajam dan terlalu simbolik untuk kanak-kanak. Dalam erti kata yang lain, cerita tersebut bebas daripada unsur sensitif dan merujuk kepada kandungan yang universal. Ketiga jika diteliti dari aspek kandungan pula, cerita rakyat kanak-kanak mestilah bersifat hiburan dan dapat memberi kegembiraan kepada kanak-kanak. Unsur kegembiraan tersebut mestilah menerapkan nilai pengajaran bagi mengimbangi mesej yang hendak disampaikan. Keempat, cerita rakyat kanak-kanak mestilah berhubung kepada penulisan yang ditujukan kepada kanak-kanak dan diolah oleh orang dewasa. Dalam hal ini, plot penceritaan mestilah mudah dan tidak terlalu kompleks. Hal ini selari dengan pendapat Suwardi Endraswara (2008:61) secara rumusnya ciri-ciri cerita rakyat kanak-kanak perlu bersifat kisah atau cerita dan mementingkan ciri tradisional, kandungan universal, unsur hiburan dan ditujukan untuk kanak-kanak. Dengan itu, cerita rakyat kanak-kanak mempunyai kriteria yang dapat membezakan dengan karya-karya lain.

Walaupun terdapat penyesuaian untuk kanak-kanak, namun ciri-ciri asas cerita rakyat masih dikekalkan. Pertama, aspek tradisional merupakan ciri yang masih dikekalkan dalam cerita rakyat kanak-kanak. Kedua, fungsi tertentu dalam masyarakat dan kebudayaan sebagai alat pendidikan mestilah dapat memberi unsur hiburan dan kegembiraan kepada kanak-kanak. Ketiga, aspek logika pula perlulah sesuai dengan tahap pemikiran kanak-kanak serta bebas daripada kekaburan. Keempat, ciri yang berhubung dengan isi dan penyampaian pula bersifat sederhana, iaitu perlulah bersahaja dan kadang kalanya melahirkan watak lucu dan sebagainya. Dalam konteks ini, ciri-ciri asas cerita rakyat masih dikekalkan dan disesuaikan untuk kanak-kanak. Maka, cerita rakyat yang wujud telah dimanfaatkan dan disesuaikan dengan kehidupan kanak-kanak.

Kesan daripada penyesuaian sedemikian telah mewujudkan satu hasil karya yang sesuai dan akhirnya dikenali sebagai cerita rakyat kanak-kanak. Perkara tersebut selaras dengan pandangan Hadijah Rahmat (2006:66) menyatakan bahawa cerita-cerita rakyat merupakan genre sastera kanak-kanak yang paling awal dibukukan dan ditulis semula untuk tatapan pembaca kanak-kanak. Dalam konteks ini, cerita rakyat kanak-kanak diolah semula telah menarik minat pembacanya. Proses pengolahan semula cerita rakyat tersebut pula menumpukan elemen-elemen yang sesuai dengan kanak-kanak sebagai pembaca. Menurut Md Sidin Ahmad Ishak (2005:19), cerita rakyat kanak-kanak merujuk kepada cerita rakyat yang ditulis semula bagi khalayak kanak-kanak. Penjelasan tersebut menunjukkan bahawa teknik penulisan bagi cerita rakyat kanak-kanak mementingkan aspek penceritaan yang sesuai dan mudah difahami bagi tatapan kanak-kanak. Hal ini turut dipersetujui oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Siti Saniah Abu Bakar & Arba'ie Sujud (2010:18) juga

menyatakan bahawa sastera rakyat kanak-kanak merupakan cerita rakyat yang telah diubah suai agar mudah difahami oleh golongan kanak-kanak. Berdasarkan tokoh-tokoh tersebut, konsep cerita rakyat kanak-kanak telah dipraktikkan sebagai genre dalam kesusasteraan kanak-kanak.

Sebagai bahan bacaan kepada kanak-kanak, cerita rakyat kanak-kanak diolah semula dengan memperkayakan nilai-nilai asas pendidikan dan pengajaran secara langsung dan tidak langsung kepada kanak-kanak. Menurut Misran Rokimin (2011:31), falsafah di sebalik cerita rakyat merupakan proses permulaan pembelajaran kepada kanak-kanak dengan mempelajari cara mengendalikan sesuatu perkara atau situasi. Proses permulaan pembelajaran tersebut mestilah menerapkan perkara asas yang memberi faedah kepada proses pembesaran mereka. Dalam konteks ini, golongan kanak-kanak merupakan insan yang baru mula melangkah mengenali dunia tanpa pengetahuan luas. Misalnya, aspek pengurusan merupakan perkara asas yang dapat diperkenalkan kepada kanak-kanak. Pendedahan sedemikian penting bagi pengetahuan kanak-kanak dalam melangsungkan kehidupan seharian.

Kesimpulannya, genre cerita rakyat kanak-kanak merupakan bahan bacaan yang menjadi medium hiburan serta pendidikan kepada kanak-kanak. Dalam konteks ini, bahan bacaan seperti cerita rakyat kanak-kanak dapat menyalurkan input awal kepada golongan kanak-kanak sebagai proses pembelajaran tentang kehidupan ini. Oleh itu, kajian ini akan meneliti asas pengurusan dalam cerita rakyat kanak-kanak dari tahun 2017 hingga 2018.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Kajian ini dilakukan bagi meneliti asas pengurusan dalam cerita rakyat kanak-kanak pilihan. Dalam hal ini, pengurusan menjadi asas sebagai input awal kepada golongan kanak-kanak dalam melangsungkan kehidupan. Namun, isu serta persoalan yang diketengahkan tentang masalah kandungan cerita rakyat berhubung kait dengan aspek pengurusan menjadi fokus kepada penyelidikan ini.

Ilmu pengurusan merupakan aspek yang tidak boleh dihindari oleh manusia dalam menjalani kehidupan seharian. Hal ini demikian kerana, ilmu pengurusan merupakan perkara asas yang perlu diketahui dalam mencapai sesuatu tujuan. Malah, aspek pengurusan sudah wujud sejak sekian lama terutamanya dalam karya sastera. Menurut Mohamad Zuber Ismail & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2015:96) aspek pengurusan dalam karya sastera seharusnya tidak terpinggir dan perlu diberi perhatian walaupun medium sastera bersilih ganti, iaitu bermula daripada tradisi lisan kepada tradisi tulisan dan kini kepada medium alternatif. Namun, pada hari ini aspek pengurusan dalam karya sastera kanak-kanak kurang dititikberatkan. Misalnya, cerita rakyat yang diterbitkan sebagai bahan bacaan kanak-kanak dipertikaikan kandungannya. Menurut Noriah Mohamed (2016:42), kandungan cerita rakyat telah dipertikaikan kesesuaiannya dalam membentuk sahsiah diri sebagai persediaan menjadi

generasi yang mampu menguruskan diri serta persekitaran. Hal ini menunjukkan bahawa ilmu pengurusan masyarakat tradisi yang dipaparkan dalam cerita rakyat seolah-olah tidak relevan pada kanak-kanak hari ini. Sedangkan, cerita rakyat sebenarnya untuk memberi unsur pengajaran kepada masyarakat termasuk kanak-kanak, terutama sekali ilmu yang berkaitan dengan pengurusan diri.

Selanjutnya, aspek pengurusan dalam cerita rakyat kanak-kanak dapat diteliti pada watak dalam mengendalikan sesuatu perkara ataupun situasi. Namun, cerita rakyat kanak-kanak yang diolah semula seakan-akan tidak menekankan aspek pengurusan sebagai input awal kepada kanak-kanak dalam mengendalikan sesuatu. Dalam hal ini, cerita rakyat yang diolah semula mengalami proses tokok tambah sejajar dengan perkembangan semasa sehingga mengetepikan aspek pengurusan. Mohd Syamril Akhmar Chek Kassim (2014:1) menyatakan bahawa kemajuan hari ini seakan-akan menelan kehebatan pengurusan masyarakat tradisi yang sudah ada sekian lama dalam cerita rakyat. Hal ini menunjukkan bahawa cerita rakyat yang diolah untuk kanak-kanak kini lebih mementingkan daya tarikan serta hiburan semata-mata. Justeru itu, pendedahan aspek pengurusan penting diterapkan dalam kandungan cerita rakyat sebagai asas secara tidak langsung dalam menjalani kehidupan seharian.

Malah, kecenderungan penulis pada hari ini mengakibatkan berlaku kebanjiran cerita rakyat untuk kanak-kanak. Namun, penulis pada hari ini hanya menulis cerita rakyat tanpa memikirkan kesesuaian cerita itu kepada kanak-kanak. Contohnya, aspek pengurusan asas kepada kanak-kanak yang dipinggirkan dalam cerita rakyat. Elemen penting yang sepatutnya mendidik kanak-kanak diabaikan. Kesannya cerita tersebut tidak relevan untuk kanak-kanak pada hari ini. Lantaran itu Noriah Mohamed (2016:42) menyatakan bahawa nasib malang yang menimpa cerita rakyat sebagai cerita warisan sering dianggap dongeng dan menjemukan apabila dituturkan kembali. Penjelasan tersebut menunjukkan cerita rakyat yang diolah semula tidak dapat menambat hati pembaca sehingga dianggap cerita dongeng. Selain itu, cerita rakyat kini juga masih dianggap lapuk kerana tidak menitikberatkan pembaharuan yang bersesuaian dengan kehendak kanak-kanak masa kini. Hal ini selari dengan pendapat Fadli Al-Akiti (2015:1) menyatakan bahawa pada era globalisasi sekarang, mesej yang terkandung di dalam cerita rakyat masih dianggap lapuk dan tidak menyumbangkan apa-apa pada pembangunan insan masyarakatnya dalam melangsungkan kehidupan. Kesannya, golongan kanak-kanak tidak mendapat manfaat daripada pembacaan. Oleh itu, pentingnya pengolahan semula cerita rakyat kanak-kanak yang berpandukan kepada garis panduan sastera kanak-kanak itu sendiri tanpa meminggirkan input-input penting terutamanya aspek pengurusan sebagai proses pembelajaran kepada kanak-kanak sambil menghiburkan.

Secara rumusnya, tanpa sedar sebenarnya asas pengurusan sudah menjadi amalan oleh masyarakat tradisi dalam menguruskan kehidupan mereka. Bertitik tolak daripada masalah itu, persoalan yang timbul, iaitu seolah-olah mempertikaikan kandungan cerita rakyat yang diolah untuk kanak-kanak pada

hari ini telah meminggirkan ilmu pengurusan sehingga menjadikan bahan bacaan tersebut menghiburkan semata-mata. Malah, hasil penelitian terhadap kajian lepas berdasarkan katalog di perpustakaan dari tahun 2001 hingga 2019 menunjukkan aspek pengurusan dalam konteks sastera kanak-kanak masih kurang diteliti dengan meluas. Kajian lepas lebih tertumpu kepada aspek pengurusan dalam karya sastera dewasa. Walhal asas pengurusan merupakan proses pembelajaran awal kepada generasi muda seperti kanak-kanak dalam melangsungkan kehidupan seharian. Justeru, kajian ini penting untuk meneliti asas pengurusan yang diterapkan dalam cerita rakyat kanak-kanak terkini.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Persoalan bagi kajian ini:

- 1.3.1 Apakah asas pengurusan dalam cerita rakyat kanak-kanak?
- 1.3.2 Bagaimanakah asas pengurusan diterapkan dalam cerita rakyat kanak-kanak?

### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada objektif-objektif seperti berikut:

- 1.4.1 Mengklasifikasikan asas pengurusan yang terdapat di dalam cerita rakyat kanak-kanak terpilih kepada perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, dan kawalan berdasarkan Pendekatan Pengurusan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan.
- 1.4.2 Menganalisis asas pengurusan yang terdapat di dalam cerita rakyat kanak-kanak terpilih kepada perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, dan kawalan berdasarkan Pendekatan Pengurusan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian yang bertajuk asas pengurusan dalam cerita rakyat kanak-kanak penting untuk dijalankan agar dapat memberikan manfaat kepada sudut umum dan dunia sastera. Pertama, kepentingan kajian ini dari sudut umum, iaitu dapat mentransformasikan modal insan dan generasi muda yang lebih dinamik, progresif serta membentuk kepribadian khususnya kanak-kanak dalam penghayatan sastera kanak-kanak berdasarkan keakrifan tempatan. Hal ini demikian kerana, golongan kanak-kanak memerlukan input awal yang ringan serta mudah diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka. Dalam konteks ini, aspek pengurusan merupakan perkara asas yang perlu ada dalam bahan

bacaan golongan kanak-kanak. Maka, golongan kanak-kanak dapat mempraktikkan kehebatan amanat masyarakat Melayu tradisi dalam mengendalikan kehidupan ini menerusi bahan bacaan mereka.

Seterusnya, kajian ini juga penting dari sudut dunia kesusasteraan Melayu terutamanya kepada para pengkaji seterusnya dalam meneliti genre cerita rakyat melalui pelbagai disiplin ilmu terhadap golongan kanak-kanak. Malah, penelitian terhadap kajian ini dapat memperluaskan dunia kesusasteraan kanak-kanak dalam meningkatkan mutunya sebagai bahan bacaan utama kepada kanak-kanak. Dalam konteks ini, kesusasteraan kanak-kanak juga memiliki keupayaan dan kebolehan sendiri sebagai saluran mendidik golongan kanak-kanak.

Kesimpulannya, diharapkan kajian ini dapat membantu dalam pelbagai sudut terutamanya sebagai bahan rujukan kepada para penulis, penerbit, serta pelajar di institusi-institusi pengajian dalam bidang sastera kanak-kanak. Malah, kajian ini juga diharapkan dapat meningkatkan serta melestarikan sastera kanak-kanak terutamanya dalam dunia penyelidikan. Oleh itu, kajian ini penting dijalankan agar dapat memberi manfaat kepada sudut pendidikan dan umum.

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian ini akan memfokuskan kepada analisis teks, iaitu cerita rakyat kanak-kanak. Hal ini demikian kerana, genre cerita rakyat merupakan kelompok bahan bacaan kanak-kanak yang paling awal diterbitkan. Menurut Md Sidin Ahmad Ishak (2005:52), semasa awalnya dalam bidang penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka banyak berusaha untuk menghidupkan semula sastera Melayu tradisi dengan menerbitkan buku-buku cerita rakyat untuk kanak-kanak. Dengan itu, kajian ini menggunakan cerita rakyat kanak-kanak terkini pada tahun 2017 hingga 2018 yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini menggunakan teks cerita rakyat kanak-kanak yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka kerana merupakan institusi penerbitan yang kukuh serta stabil. Institusi ini juga sudah dikenali dalam menerbitkan bahan bacaan kanak-kanak terutamanya bahagian penerbitan buku kanak-kanak. Malah, sebanyak 26 buah cerita rakyat kanak-kanak terkini pada tahun 2017 hingga 2018 jelas menunjukkan genre ini giat diterbitkan. Kesemua cerita rakyat kanak-kanak yang dipilih adalah karya yang dihasilkan oleh penulis tempatan. Maka, dapatan kajian ini akan meneliti asas pengurusan yang terdapat di dalam cerita rakyat kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, pemilihan bahan kajian di atas diterbitkan pada tahun 2017 hingga 2018 bagi tujuan pembacaan kanak-kanak oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dari bahagian penerbitan buku kanak-kanak. Berikut merupakan contoh salah satu buku cerita rakyat kanak-kanak iaitu "Merah dan Putih" (2018):



Cerita rakyat merupakan salah satu cabang sastera tradisional. Melalui proses penceritaan semula atau adaptasi, sesetengah cerita rakyat menjadi bahan sastera kanak-kanak yang bernilai dan menghiburkan. Bahan sastera ini adalah untuk peringkat umur dari 3 hingga 6, 7 hingga 9 tahun dan 10 hingga 12 tahun. Pengalaman, pengetahuan dan keindahan yang dipaparkan oleh sesebuah cerita rakyat itu juga berupaya membentuk perkembangan kanak-kanak.

### **MERAH DAN PUTIH**

Merah duduk di atas buaian di pohon beringin sambil menyanyikan lagu sedih. Merah menyanyi berulang kali tetapi dia semakin sedih.

“Wahai beringin perteduhanku,  
Mengapa malang nasib diriku?  
Bapakku pergi, ibuku mati,  
Ke mana harus kubawa diri?”

Apakah yang berlaku kepada Merah selepas bapanya pergi dan ibunya meninggal dunia?

**Rajah 1: Kulit belakang buku yang ditetapkan oleh pihak penerbit untuk bacaan kanak-kanak**

**Jadual 1: Judul teks Cerita Rakyat Kanak-kanak dari tahun 2017 hingga 2018**

Bil	Nama	Judul	Tahun
1	Halimah Muhiden	<i>Sang Keldai Cerdik</i>	2017
2	Haniah Hussain	<i>Sang Gagak dengan Seri Merak</i>	2017
3	Halimah Muhiden	<i>Nasihat Si Katak</i>	2017
4	Mohd Faizal bin Mohd Zulkifly	<i>Himpunan Cerita Haiwan Teladan:</i>	2017
		<i>Anak Petani dengan Sang Kancil Putih</i>	
		<i>Ayam Kampung dengan Ayam Hutan</i>	
		<i>Ikan Sepilai yang cantik</i>	
		<i>Itik yang bijak dengan musang yang terpedaya</i>	
		<i>Beruk dengan Kera</i>	
		<i>Petani dengan Burung Merbuk</i>	
		<i>Rama-rama dengan labah-labah</i>	
		<i>Sahabat yang Berjasa Berjasa</i>	
		<i>Helah Sang Murai</i>	
	<i>Angan-angan Sang Siput Babi</i>		
5	Haniah Hussain	<i>Sayangku Apai</i>	2018
6	Rosnani Mohd Salleh	<i>Siapa Menang?</i>	2018
7	Muhibah Ayob	<i>Kampar</i>	2018
8	Norhidayat Mohamad Noor	<i>Gagak dan Merah Berwarna Putih?</i>	2018
9	Salmiah Kasmuni	<i>Naga dan Agama</i>	2018
10	Halimah Muhiden	<i>T Kurus T Gemuk</i>	2018
11	Zaidah Md. Yusoff	<i>Jarum Cik Helang Hilang</i>	2018
12	Faizah Yusof	<i>Sang Angsa Pengawal Raja</i>	2018
13	Erdiah Samad	<i>Katak oh Katak</i>	2018
14	Wan Munirah Wan Mohamad	<i>Mengapakah Gajah Bermata Kecil</i>	2018
15	Zety Natamulia Elias	<i>Merah dan Putih</i>	2018
16	Muhibah Ayob	<i>Batu Belah</i>	2018

Jadual di atas merupakan senarai jadual bahan kajian yang digunakan. Oleh itu, bahan kajian yang dipilih dapat menentukan hasil dapatan kajian ini.

## **1.7 Definisi Operasional**

Definisi operasional bertujuan untuk menjelaskan beberapa definisi istilah yang perlu difahami dalam kajian ini. Dalam kajian ini, istilah-istilah yang diketengahkan berdasarkan kepada tajuk kajian dapat memberikan pemahaman yang jelas terhadap penyelidikan ini. Berikut merupakan istilah-istilah yang berkaitan dengan kajian ini:

### **1.7.1 Asas**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007:82), asas didefinisikan sebagai sesuatu yang menjadi sandaran atau pendukung kepada sesuatu yang lain, sandaran bagi sesuatu perbuatan dan dasar. Bagi Tesaurus Bahasa Melayu Dewan (2010:44) pula menjelaskan bahawa asas bermaksud utama, primer, dasar, tonggak ataupun sandaran.

Oleh itu, berdasarkan definisi di atas dapat dirumuskan bahawa istilah asas merupakan akar atau tapak bagi cabang-cabang kepada sesuatu bidang. Tanpa asas, sesuatu aspek tidak dapat dikembangkan dengan meluas dan tersusun. Maka, asas merupakan ilmu yang perlu diketahui terlebih dahulu sebelum meneliti kepada cabang-cabangnya.

### **1.7.2 Pengurusan**

Pengurusan merupakan sesuatu yang amat penting dalam mengendalikan sesuatu perkara atau situasi. Maksudnya, setiap perkara yang hendak dilakukan memerlukan proses pengurusan dalam menjayakan matlamatnya. Maka, halangan dalam menguruskan sesuatu perkara dapat dikurangkan dengan bantuan proses pengurusan yang baik. Menurut Chek Mat (2007:2), pengurusan boleh didefinisikan sebagai proses perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan. Dalam hal ini, pentingnya pengetahuan tentang pengurusan dalam mengendalikannya agar terlaksana dengan baik. Ahmad Shukri Mohd Nain dan Amran Md. Rasli (2005:3) pula menyatakan bahawa pengurusan dalam konteks tradisi ilmu merupakan satu bidang pengajian dan set pengetahuan mengenai cara-cara untuk mengurus sesuatu perkara. Oleh itu, setiap matlamat dapat dilaksanakan apabila seseorang mengetahui sesuatu pengurusan yang tersusun dan strategik.

Di samping itu, objektif yang dicapai memerlukan proses yang teliti dalam memudahkan urusan. Hal ini demikian kerana, sesebuah organisasi yang berpengalaman dalam menguruskan sesuatu dapat memperbaiki setiap kelemahan sebelumnya dalam mencapai objektif. Abu Bakar Hamed (1998:21) menyatakan bahawa pengurusan adalah suatu proses perancangan pengorganisasian, pimpinan dan pengawalan sumber manusia, fizikal, dan kewangan bagi mencapai matlamat organisasi. Dalam hal ini, setiap pengurusan dikendalikan memerlukan penelitian dalam pelbagai aspek supaya mencapai matlamatnya. Rahim Abdullah (1994:5) menyatakan bahawa pengertian



pengurusan sebagai aktiviti yang melibatkan usaha merancang, mengorganisasi, memimpin, dan mengawal serta penglibatan anggota yang berada di dalam organisasi untuk sama-sama berusaha ke arah mencapai matlamat yang satu. Oleh yang demikian, pengurusan memainkan peranan dalam mengerakkan sesuatu matlamat dari awal hingga akhir.

Tambahan pula, setiap pihak harus mengambil serius dalam mengendalikan sesuatu agar mencapai matlamatnya. Hal ini demikian kerana, proses dalam mengendalikan sesuatu perkara akan lancar dengan bantuan kerjasama semua pihak. Pengurusan juga melambangkan kehebatan pihak yang mengendalikan sesuatu dari awal sehingga selesai dengan teratur. Menurut Sondang P. Siagian (1981:5), pengurusan dapat didefinisikan sebagai kemampuan atau kecekapan untuk memperolehi sesuatu hasil dalam rangka pencapaian tujuan melalui kegiatan-kegiatan orang lain. Malah, aspek pengurusan menjadi keutamaan dalam menjayakan sesebuah misi yang ingin dilaksanakan. Hal ini menunjukkan, setiap tindakan dan keputusan merujuk kepada matlamat yang ingin dicapai.

Selanjutnya, setiap objektif dan matlamat berjaya dicapai akan melalui proses-proses pengurusan yang ditentukan. Menurut Sabri Hj. Hussin et al. (2004:1), pengurusan adalah satu elemen penting di dalam mengendalikan mana-mana organisasi baik sebuah organisasi perniagaan ataupun organisasi bukan perniagaan. Dalam konteks ini, setiap organisasi memerlukan panduan pengurusan yang mantap dan berkesan dalam mengendalikan sesuatu perkara. Azman Che Omar (2013:38) pula menyatakan bahawa pengurusan boleh ditakrifkan sebagai satu proses mengurus sumber-sumber dalam organisasi melalui fungsi-fungsi pengurusan bagi mencapai pelbagai objektif yang telah ditetapkan. Oleh itu, setiap organisasi memerlukan pengurusan yang strategik dan teratur dalam mencapai matlamat dalam setiap urusan.

Malah, pengurusan yang berjaya akan mendapat perhatian organisasi lain untuk melakukan hal yang sama. Hal ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pihak lain dalam memperbaiki kelemahan aspek pengurusan organisasinya. Menurut Wan Azmi Ramli (1991:58), pengurusan dapat ditakrifkan dengan lebih mudah sebagai satu aktiviti perancangan dan pergerakan atau panduan oleh sesuatu perusahaan atau organisasi berhubung dengan segala kaedah-kaedah, peraturan-peraturannya, juga tanggungjawab dan tugas-tugas kakitangannya itu. Dalam hal ini, pihak-pihak yang terlibat menjadi tonggak utama dalam menjayakan sesuatu pengurusan tersebut. Menurut Juhary Ali (1987:2) menyatakan bahawa pengurusan pada amnya dapat didefinisikan sebagai proses perancangan, penyusunan, pengarahan dan pengawalan usaha ahli-ahli organisasi dan menggunakan semua sumber organisasi untuk mencapai matlamat organisasi. Hal ini menunjukkan setiap ahli bekerjasama dalam memainkan peranan untuk mencapainya. Oleh itu, pengurus yang mengendalikan pengurusan tersebut mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kepakaran dalam bidang tersebut.

Oleh yang demikian, berdasarkan definisi dan takrifan yang dinyatakan dapat dirumuskan bahawa istilah pengurusan merujuk kepada keupayaan mengendalikan sesuatu perkara atau perkerjaan yang berkesan untuk mencapai matlamat. Secara jelasnya, pengurusan merujuk kepada penglibatan proses-proses seperti perancangan, kepimpinan, organisasi dan kawalan dari awal hinggalah ke peringkat akhir dalam mencapai objektif.

### 1.7.3 Cerita Rakyat

Cerita rakyat merupakan karya sastera yang disampaikan secara lisan kepada masyarakat umum dahulu. Menurut Salmah Hj Ayob (1981:75), cerita rakyat bermaksud cerita-cerita dongeng rakyat diwarisi dari sastera lisan. Hal ini menunjukkan, sastera lisan memiliki cerita yang diwarisi sejak dahulu lagi dan dianggap dapat menghiburkan pembaca. Setiap versi cerita lisan yang diperturunkan berbeza kerana penyampaian secara lisan. Namun, inti pati dan dasar yang disampaikan dalam setiap versi cerita rakyat adalah sama. Md Sidin Ahmad Ishak (2005:19) menyatakan bahawa cerita rakyat boleh diertikan sebagai cerita yang diperturunkan dari satu generasi kepada satu generasi melalui tradisi lisan. Dalam konteks ini, komunikasi menjadi aspek penting dalam menyampaikan cerita kepada masyarakatnya.

Selain itu, lisan merupakan ciri utama yang ditekankan dalam pengertian bagi cerita rakyat. Hal ini selari dengan pendapat Roslina Abu Bakar & Arba'ie Sujud (2013:144) bahawa cerita rakyat sebagai cerita yang dituturkan secara lisan dalam kalangan masyarakat yang masih bersifat tradisi. Hal ini menunjukkan bahwa masyarakat mendapat maklumat serta mesej yang disampaikan melalui pertuturan mereka. Menurut Ismail Hamid (1987:4), cerita rakyat merujuk kepada hasil pengucapan sastera bagi sesuatu masyarakat yang dapat memberi gambaran cara hidup atau budaya sesuatu masyarakat. Melalui cerita rakyat, generasi akan datang dapat mengenali amalan harian oleh masyarakat tradisi. Malah, cerita yang diwarisi mampu menghidupkan semula amalan yang diamalkan sejak dahulu lagi. Menurut Normaliza Abd Rahim et al. (2016:12), cerita rakyat merupakan cerita yang diceritakan sejak zaman dahulu lagi kepada masyarakat sekeliling sebagai teladan. Dalam konteks ini, mesej serta amanat merupakan pedoman dan panduan kepada masyarakatnya. Oleh itu, kepribadian dan sahsiah masyarakat dapat dibentuk melalui amanat masyarakat tradisi. Di samping itu, cerita rakyat mempunyai pelbagai kategori seperti cerita binatang, cerita lagenda, cerita jenaka, cerita penglipur lara dan sebagainya. Menurut Ab. Rahman Ab. Rashid et al. (2000:13), cerita rakyat ialah cerita yang dituturkan secara lisan dan sangat terkenal dalam masyarakat Melayu tradisional, meliputi cerita dongeng, lagenda, mitos, lipur lara, jenaka, hantu, dan binatang. Dalam hal ini, masyarakat tradisi kaya dengan warisan yang ditinggalkan kepada generasinya. Mohd Fahmi Ismail et al. (2015:92) menyatakan bahawa cerita rakyat adalah sebahagian daripada sastera rakyat yang diperturunkan daripada generasi ke generasi tradisi lisan. Walaupun cerita rakyat yang dituturkan semula kepada generasi mengalami pengolahan semula walaupun dasar dan ideanya sama. Oleh yang demikian, cerita rakyat dapat dikekalkan sehingga zaman kini walaupun peredaran zaman berlaku.

Justeru itu, berdasarkan pandangan di atas menunjukkan bahawa cerita rakyat merupakan satu bentuk cerita lisan yang disampaikan secara lisan sebelum adanya mesin dan disebar kepada generasi ke satu generasi. Secara jelasnya, cerita rakyat merujuk kepada karya sastera yang kaya dengan falsafah sebagai input bermanfaat untuk disebar kepada satu generasi ke generasi.

#### **1.7.4 Cerita Rakyat Kanak-kanak**

Cerita rakyat kanak-kanak pula didefinisikan sebagai bahan bacaan yang diolah khas untuk golongan pembaca kanak-kanak. Menurut Md Sidin Ahmad Ishak (2005:19), cerita rakyat kanak-kanak merujuk kepada cerita rakyat yang ditulis semula bagi khalayak kanak-kanak. Dalam hal ini, cerita rakyat kanak-kanak mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan orang dewasa. Antara perbezaannya ialah dari segi bentuk, isi, bahasa serta tujuan bacaan tersebut. Selain itu, cerita rakyat juga merupakan salah satu genre yang ada dalam sastera kanak-kanak. Hadijah Rahmat (2006:66) menyatakan bahawa cerita-cerita rakyat merupakan genre sastera kanak-kanak yang paling awal dibukukan dan ditulis semula untuk tatapan pembaca kanak-kanak. Hal ini menunjukkan cerita rakyat telah menarik perhatian golongan kanak-kanak sehingga diolah semula mengikut kesesuaian bagi tatapan mereka. Hal ini selari dengan pendapat Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Siti Saniah Abu Bakar & Arba'ie Sujud (2010:18), sastera rakyat kanak-kanak merupakan cerita rakyat yang telah diubah suai agar mudah difahami oleh golongan kanak-kanak. Hal ini menunjukkan teknik penulisan bagi bahan bacaan kanak-kanak jelas berbeza dengan orang dewasa. Menerusi takrifan dan pandangan tokoh menunjukkan bahawa cerita rakyat kanak-kanak merupakan bahan bacaan yang mempunyai ciri-ciri tertentu dan bersesuaian untuk golongan kanak-kanak. Secara jelasnya, cerita rakyat kanak-kanak merujuk kepada cerita klasik yang diolah semula sebagai bahan bacaan kanak-kanak.

#### **1.8 Kesimpulan**

Secara rumusnya, hasil kajian telah membincangkan tentang aspek-aspek penting yang diberi perhatian sebelum melakukan penyelidikan secara mendalam. Aspek-aspek yang disentuh seperti pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, bahan serta batas kajian. Maka, bab ini sebagai dasar bagi membantu untuk memahami fokus kajian agar dapat melakukan penyelidikan agar tidak tersasar daripada landasan. Bab seterusnya akan meneliti kajian lepas yang telah dijalankan.

## RUJUKAN

- Ab Rahman Ab Rashid, Harun Jaafar, Talib Samat & Mohd Rosli Saludin. (2000). *Kamus Sastera Melayu*. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Abd Aziz Bin Alias. (2005). *Konsep Perjuangan dan Kepimpinan Keris Mas: Satu Penelitian Teori Konseptual: Kata Kunci*. (Tesis Sarjana). Bangsar: Universiti Malaya.
- Abd Rahman Abd. Hamid. (2011). *Mengurus Masa Depan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (2001). *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Bakar Hamed, Rusmala Mohd. Daud & Siti Nabiha Abdul Khalid. (1998). *Asas Pengurusan Perniagaan*. Sintok. Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Shukri Mohd Nain & Amran Md. Rasli. 2005. *Pengurusan teknologi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Amran Hassan. (2011). *Konflik*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Arba'ie Sujud, Liliy Salwani Razali & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2011). Fenomena sosial dalam cerita rakyat kanak-kanak. *PENDETA: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 2 (1): 138-151.
- Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Intan Zahariah Gaisun. (2014). Ekspresi Emosi Melalui Bahan Bacaan Sastera Kanak-kanak. *Jurnal Melayu*, (13): 72-84.
- Atikah Mohd Noor, Sharil Nizam Sha'ri, & Rohaidah Kamaruddin. (2018). Nilai Murni Dalam Cerita Sang Kancil. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5 (1): 92-102.
- Aziz Salleh. (1998). *Panduan Komunikasi dan Pengurusan Cemerlang*. Shah Alam. Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Azman Che Omar. (2013). *Pengenalan Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Br. Izu. (2008). *Panduan Mengurus Masa: Urus Masa Terus Jaya untuk Semua*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings.
- Carol J. Winter & Gary D. Schmint. (2001). *Edging The Boundaries of Children Literature*. Baston: Ally and Bacon.

- Chek Mat. (2007). *Pengurusan Imej*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Dayang Rabiah Bt Haji Othman. (2013). *Pengurusan Pertandingan Drama Peringkat Sekolah-sekolah Menengah di Negara Brunei Darussalam: Satu Kajian Kes*. (Tesis Sarjana). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Erdiah Samad. (2018). *Katak oh Katak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fadli Al-Akiti. (2015, Oktober). "Era Transisi: Wajah Sastera Kita Kian Berubah?". *Dewan Sastera*. Jilid 45. 1
- Faizah Yusof. (2018). *Sang Angsa Pengawal Raja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faziela Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016) Unsur konflik dalam novel remaja terpilih. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 6 (1): 52-63.
- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hairunnaja Najmuddin. (2002). *Psikologi Ketenangan Hati*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Halimah Muhiden. (2017). *Sang Keldai Cerdik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halimah Muhiden. (2017). *Nasihah Si Katak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halimah Muhiden. (2018). *T Kurus T Gemuk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haniah Hussain. (2018). *Sayangku Apai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harold Koontz & Heinz Wehrich. (2001). *Pengurusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Arrasyid Haji Tuskan. (2006). *Menangani Konflik Emosi Menurut Pandangan Islam*. Batu Caves: Edusystem Sdn. Bhd.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh, Jamilah Ahmad. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasniah Hussain. (2017). *Sang Gagak dengan Seri Merak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn.Bhd.
- Ismail Hamid. (2008). *Kesusasteraan Melayu Lama dan Baru*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Jaafar Muhamad. (1992). *Asas Pengurusan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Juhary Ali. (1987). *Asas Pengurusan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Liliy Salwani Razali. (2011). *Cerita rakyat sebagai medium 90endidikan kepada kanak-kanak*. (Tesis Sarjana). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Maimunah Osman. (2000). *Perangkap Masa Panduan Pengurusan Masa Berkesan*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Malike Brahim. (2008). *Mengurus Konflik*. Petaling Jaya: IBS Buku. Sdn. Bhd.
- Mansor Ahmad Saman, Ramli Mohamed & Shawaluddin Anis. (1984). *Penghantar Komunikasi*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mashetoh Binti Abd. Mutalib. (2001). *Analisis Strategi Komunikasi dan Kesopanan dalam Novel Imam*. (Tesis Sarjana). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Md Sidin Ahmad Ishak. (2005). *Perkembangan Sastera Kanak-kanak di Malaysia*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Misran Rokiman. (2005, Nov). Pendidikan Moral Menerusi Bahan Sastera Kanak-kanak. *Dewan Sastera*. Jilid 35: 31-44.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2016). *Pendekatan Pengurusan dalam Kritikan Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohamad Zainuri Bin Mohd Zin. (2015). *Pengurusan Persembahan Wayang Kulit Kumpulan Sri Campuran: Satu Kajian Kes*. (Tesis Sarjana). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Zuber Ismail & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2015). Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 26: 95-116.
- Mohamad Zuber Ismail dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2017). Prinsip Perancangan dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda. *Journal of Business and Social Development*, 5(1) 2017: 123-139.



- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2016). Keintelektualan Pemikiran Melayu dalam Cerita Lipur Lara: Penelitian Awal Berdasarkan Perspektif Pendekatan Pengurusan. *Journal of Business and Social Development*, 3(2) 2015: 1-16.
- Mohamad Zuber Ismail. (2017). *Cerita Penglipur Lara terpilih Berdasarkan Pendekatan Pengurusan*. (Tesis PhD). Bangsar: Universiti Malaya.
- Mohd Amin. H.A Shariff. (2003). *Perkembangan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusof. (2015). Cerita Rakyat Melayu: Suatu Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 3: 91-100.
- Mohd Faizal bin Mohd Zulkifly. (2017). *Himpunan Cerita Haiwan Teladan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-kanak melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Development*, 2 (2): 74-85.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). Nilai-nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia. (Tesis Sarjana). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Safiee Hj. Idris, Hj. Ashari Sikon, Siti Zahara Binti Mohd Ariff, Mohd Zaid Mustafa, Ahmad Rizal Madar & Latifah Md. Ariffin. *Komunikasi Interpersonal Dalam Pengajaran di Kalangan Guru-guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik di Negeri Melaka*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Universiti Teknologi Malaysia. , Oktober 2008.
- Mohd Sharani Ahmad. (2006). *Psikologi Kanak-kanak*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Syamril Akhmar Chek Kassim. *Penglipur Lara Awang Batil: Nilai, Fungsi dan Falsafah dalam Penyampaian (Cerita dan Lagu)*. Symposium of International Language & Knowledge (SiLK 2014), was held at Hydro Hotel, Penang organized by Centre for International Languages, Universiti Malaysia Perlis. Feb 2014.
- Mohd Yusof Hj. Othman. (2003). *Pengurusan Diri*. Kajang: Aras Mega Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof Hussain, Mohamad Shaharudin Samsurijan, Suraiya Ishak, Abd. Hair Awang. (2011). Hubungan kejiwaan dalam membentuk kesejahteraan hidup masyarakat 'kampung bandar': Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 7(3): 36 – 44.

- Mohd. Azhar Abd.Hamid. (2006). *EQ Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd. Foad Sakdan. (2005). *Pengurusan Konflik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang. (2010). *Kompetensi Kecerdasan Emosi*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Muhd Mansur Abdullah. (1998). *Komunikasi Dalam Pengurusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhibah Ayob. (2018). *Batu Belah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhibah Ayob. (2018). *Kampar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Molina S. Nijhar. (1984). Apakah Sastera Kanak-kanak-Khasnya Buku Bergambar. Othman Puteh & Abdul Ahmad (diselenggara). *Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*. (hlm. 1-15). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadhirah Aznan & Noraini Shamsuddin. (2014). Persepsi Mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) terhadap Amalan Pengurusan Masa. *E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014), 26-27 May 2014 Synergizing Knowledge on Management and Muamalah*. 353-364.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2013). Kepimpinan dalam Novel Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (KOMSAS). *Pendeta: Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*, Jilid 4: 96-115.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Siti Saniah Abu Bakar & Arba'ie Sujud. (2010). Warisan Budaya Berfikir Lambang Kecendekiaan Minda Melayu dalam Sastera Rakyat Kanak-kanak. *Jurnal ASWARA*. Jilid 5 (1): 18-27.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). *Ekspresi Psikologi dalam Novel Pilihan*. Kuala Nerus: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pengurusan konflik dalam cerita rakyat Nusantara abad ke-19. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 4 (2): 37-43.
- Nor Atiqah Shahdan. (2015). *Strategi Pengurusan untuk Mengkomersialkan Buku Sastera Kanak-Kanak*. (Ijazah sarjana muda). Kota Semarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Noraini Ahmad. (1994). *Pengurusan Masa*. Kuala Lumpur: Berita Publisng Sdn. Bhd.
- Noraini Ahmad. (2003). *Pengendalian Masa*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.



- Norazlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin & Jama'yah Zakaria. (2017). Gaya Pengurusan Konflik dan Kesannya Terhadap Institusi Kekeluargaan dalam Novel Saga. *Akademika*, 87(2):77-87.
- Norhidayat Mohamad Noor. (2018). *Gagak dan Merah Berwarna Putih?*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. (2016, April) "Cerita Rakyat Melayu: Nasib yang Malang". *Dewan Sastera*. Jilid 46: 42-44.
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor. (2016). Wacana Cerita Rakyat Melayu dalam Kalangan Pelajar Korea. *Jurnal Kemanusiaan*, 25 (1): 12-21.
- Norsaliza Mohd Shuhaini, Mohd Rosli Saludin & Azhar Hj.Wahid. (2017). Keupayaan Pengurusan Intelektualisme Kanak-kanak dalam kekuasaan Animasi Upin dan Ipin. *Jurnal Peradaban Melayu*. Jilid 12: 71-87.
- Nurfarhana Shahira Rosly, Normaliza Abd Rahim & Hazlina Abdul Halim. (2016). Interaksi Ujaran Kanak-kanak Menerusi Elemen Pendigitalan dalam Penceritaan. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 16(1): 89-108.
- Nurfarhana Shahira Rosly, Normaliza Abd Rahim & Hazlina Abdul Halim. (2015). Pengaruh Elemen Cerita Binatang Berbentuk Digital ke atas Ujaran Kanak-Kanak Sindrom Asperger. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, (2):75-85.
- Othman Mohamed. (2001). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Rahim Abdullah. 1994. *Asas Pengurusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rashidah Binti Mamat. (2002). *Kawalan Sosial Ke atas Kanak-kanak: Analisis Berdasarkan Cerita Rakyat*. (Tesis Sarjana), Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Roslina Abu Bakar & Arba'ie Sujud. (2013). World-view dan Sistem Politik Masyarakat Melayu: Penelitian Terhadap Cerita Rakyat Melayu. *Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 4 (1): 143-161.
- Rosnani Mohd Salleh. (2018). *Siapa Menang?*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2018). Unsur Konflik dalam Novel Nenek Karya Razli Endun. *Malay Literature*, 31(1), 124-142.

- Sabri Hj. Husin. (2005). *Pengurusan Perniagaan*. Singapore: Thomson Learning.
- Sabri Hj. Hussin, Raida Abu Bakar, Mohd. Radzuan B.Rahid & Ruhana Busu. (2004). *Pengurusan*. Singapore: Thomson Learning.
- Salmah Hj Ayob (1981). Sastera untuk Kanak-kanak: Fungsi dan Implikasinya. *Pendidik dan Pendidik*. Jilid 3: 73-85.
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2015). Strategi Utusan Kerajaan dalam Menjalinkan Hubungan Diplomatik pada Zaman Kesultanan Melayu. *Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 5. (113-139).
- Salmiah Kasmuni. (2018). *Naga dan Agam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsuddin A. Rahim. (1997). *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saravanan P. Veeramuthu. (2019). Kepimpinan dalam Novel Perang Sangkil: Satu Bacaan Pendekatan Pengurusan. *Asian People Journal (APJ)*, 2 (1), PP 169-182.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2014). Konflik dalam Cerita Rakyat dan kesannya kepada Kanak-kanak. *Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 5, (1): 189-205.
- Siti Zuhaidah Zakeria, and Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016) Kesenambungan warisan budaya masyarakat Melayu Pantai Timur dalam cerita rakyat untuk kanak-kanak. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 4 (1): 93-103.
- Sondang P.Siagian. (1981). *Falsafah Pentadbiran dan Pengurusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Masri. (1984). Penulisan Bahan Bacaan Kanak-kanak. Othman Puteh & Abdul Ahmad (diselenggara). *Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*. (hlm.15-20). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suardi Endraswara. (2008). Metodologi Penelitian Folklor: Konsep, Teori dan Aplikasi Yogyakarta: Medpress.
- Syd Abdul Rahman Syd Zin & Bahtiar Mohamad. (2007). *Komunikasi Kepimpinan Menangani Cabaran Global*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Tajul Arif bin Mohamad Yusof. (2014). *Transformasi Kepimpinan dalam Novel Singapura: Analisis Pengkaedahan Melayu*. (Tesis PhD). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Wan Azmi Ramli. (1991). *Pengurusan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Wan Khairoslinda Binti Wan Mohd Khaifi. (2009). *Pemahaman Bahasa Kanak-kanak terhadap Cerita Rakyat Tempatan: Satu Analisis Psikolinguistik*. (Tesis Sarjana). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Munirah Wan Mohamad. (2018). *Mengapakah Gajah Bermata Kecil?*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- William T. Brooks & Terry W. Mullins. (1997). *Pengurusan Masa Berkesan Hebat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- YS. Gunadi. (1998). *Himpunan Istilah Komunikasi*. Jakarta: PT Grasindo.
- Zafir Mohd Makhbul, Mohd Hizam Hanafiah & Fazilah Mohamad Hasun. (2012). *Pengurusan Organisasi*. Petaling Jaya: Cengage Learning Sdn. Bhd.
- Zaidah Md. Yusoff. (2018). *Jarum Cik Helang Hilang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainiah Mohamed Isa, Juppri Bacotang, Nur Fatin Zainuddin & Mazlina Che Mustafa. *Tahap Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-kanak Berusia 2+Tahun*. Persidangan Antarabangsa Pedagogi Islam dalam Pendidikan 2017 (ICIPE2017) Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. September-Oktober 2017.
- Zainol Abidin Kasim. (2017). Kajian Rekonstruksi Pelajar-pelajar Rancangan Persediaan Khas ke Jepun (RPKJ) dalam Aspek Pengurusan Masa. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*, 6: 27-51.
- Zety Natamulia Elias. (2018). *Merah dan Putih*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.